

BOLTON

Date : 9 March 2010
Publication : BERNAMA
Title : Bolton sasar RM1 bil GDV dari pelancaran hartanah

Bolton Sasar RM1 Bln GDV Dari Pelancaran Hartanah

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Bolton Bhd menyasarkan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah sehingga RM1 bilion dari empat hartanah baharunya yang akan dilancarkan tahun ini.

Pengerusi Eksekutif Datuk Azman Yahya berkata keempat-empat hartanah baharu itu terletak di lokasi-lokasi utama.

"Pembangunan "Sixceylon" di Jalan Bukit Ceylon yang amat dinanti-nantikan akan dilancarkan pada bulan Jun," kata Azman ketika memperkenalkan projek itu di sini Selasa.

Projek Sixceylon akan dibina di mana tapak Bolton Court berlokasi sekarang ini.

Bolton Court setinggi 12 tingkat yang sedia ada sekarang telah siap dibina pada lewat 1970-an dan akan dimajukan semula serta diubah menjadi sebuah pembangunan moden terdiri daripada bangunan apartmen 33 tingkat berharga di antara RM600,000 dan RM1.2 juta seunit.

Reka bentuk dan lokasi Bolton Court telah mendapat sambutan menggalakkan di kalangan komuniti ekspatriat, dan banyak pertubuhan multinasional menyifatkannya sebagai kediaman mereka apabila berada di Malaysia, kata Azman.

"Walaupun Bolton Court telah menyumbang dengan banyaknya kepada pendapatan pelaburan Bolton untuk beberapa tahun lamanya, kami percaya sudah tiba masanya sekarang untuk membangunkan semula bangunan lama itu," kata beliau.

Beliau juga berkata kenaikan kadar faedah baru-baru ini dijangka tidak memberikan kesan besar kepada jualan hartanah.

"Kenaikan 25 mata asas masih lagi kecil," kata beliau.

"Apa yang penting ialah kita mesti ada keyakinan yang pasaran kewangan akan terus menyokong projek-projek hartanah," tambah beliau.

-- BERNAMA